



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65

15hb April 2021

No. 8

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
(Akta 172)

TOWN AND REGIONAL PLANNING ACT 1976
(Act 172)

No. 224.

PELANTIKAN TIMBALAN PENERUSI LEMBAGA RAYUAN

APPOINTMENT OF DEPUTY CHAIRMAN OF APPEAL BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 36(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri Melaka, dengan persetujuan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, melantik Puan Haslinda binti Abu Bakar sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan bagi Negeri Melaka bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the power conferred by paragraph 36(2)(a) of the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*], the State Authority of Malacca, with the concurrence of the Minister of Housing and Local Government, appoints Puan Haslinda binti Abu Bakar as Deputy Chairman of the Appeal Board for the State of Malacca for a period of three years with effect from the date of this notification is published of in the *Gazette*.

Bertarikh 22 Mac 2021

Dated 22 March 2021

AHMAD AZLAN BIN AHMAD SALLEH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Melaka
Secretary
State Executive Council
Malacca

Saya bersetuju,

I concur,

YB DATUK HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia
Minister of Housing and Local Government
Malaysia

No. 225.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI MELAKA) 2002

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF MALACCA) 2002

PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

FINANCIAL STATEMENTS OF MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA FOR THE YEAR
ENDED 31 DECEMBER 2019

Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 yang dinyatakan dalam Jadual telah diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka, dan adalah disiarkan *Warta* menurut seksyen 73 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 7 tahun 2002*].

The Financial Statements of Majlis Agama Islam Melaka for the year ended 31 December 2019 as set out in the Schedule has been approved by the Yang di-Pertuan Agong, after consulting the State Executive Council Malacca, and is published in the *Gazette* pursuant to section 73 of the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) 2002 [*Enactment No. 7 of 2002*].

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Melaka yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Yang Disatukan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Yang Disatukan serta Penyata Aliran Tunai Yang Disatukan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Perkara Audit Utama

Perkara Audit Utama adalah perkara berdasarkan penilaian professional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Audit Utama dalam menyatakan pendapat saya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Agama Islam Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsive terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- (f) Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entity dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 5 dalam penyata kewangan.

Hal-Hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

PUTRAJAYA
Bertarikh 19 November 2020

DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli
Lembaga Pengarah

Kami, YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI dan YB DATUK HAJI MD RAWI BIN MAHMUD yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Melaka, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan aliran tunai Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan terpakai di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi bertarikh:

YAB DATUK HAJI SULAIMAN
BIN MD ALI
Pengerusi
Majlis Agama Islam
Melaka

YB DATUK HAJI MD RAWI
BIN MAHMUD
Ahli Lembaga
Majlis Agama Islam
Melaka

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

Saya HAJI MUHAMMAD IKRAM BIN IBRAHIM, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 mengikut sebaik-baik pengetahuan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

HAJI MUHAMMAD IKRAM BIN IBRAHIM
Setiausaha
Majlis Agama Islam
Melaka

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas HAJI MUHAMMAD IKRAM BIN IBRAHIM

Di : Melaka

Pada : 23 Jun 2020

Di hadapan saya:

AIDAH BINTI KHAMIS
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2019

	Kumpulan			Majlis Agama Islam Melaka	
	2019 RM	2018 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
	(Dinyatakan semula)				
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan (Nota 3)	67,670,037	73,002,915	72,313,839	60,367,926	65,478,149
Hartanah pelaburan pada kos (Nota 4)	36,223,545	33,535,490	31,005,539	30,756,395	28,008,403
Pelaburan dalam syarikat subsidiari (Nota 5)	—	—	—	3,200,906	3,200,906
Pelaburan ekuiti (Nota 6)	491,450	679,200	699,200	369,850	622,000
Pelaburan Kewangan (Nota 7)	—	—	—	—	—
Perbelanjaan tertunda (Nota 8)	—	—	—	—	—
Kerja dalam pelaksanaan (Nota 9)	—	—	—	—	—
Jumlah Aset Bukan Semasa	104,385,032	107,217,605	104,018,578	94,695,077	97,309,458
ASET SEMASA					
Inventori (Nota 10)	421,563	194,761	194,761	—	—
Penghutang perniagaan & pelbagai (Nota 11)	31,119,152	11,871,186	11,871,186	32,306,111	22,509,953
Tunai dan kesetaraan tunai (Nota 12)	53,286,102	48,724,754	48,724,754	41,492,153	28,392,813
Jumlah Aset Semasa	84,826,817	60,790,701	60,790,701	73,798,264	50,902,766
JUMLAH ASET	189,211,849	168,008,305	164,809,279	168,493,340	148,212,224
MODAL DAN RIZAB					
Kumpulan Wang Zakat	31,465,946	28,251,101	28,251,101	31,465,946	28,251,101
Kumpulan Wang Baitulmal	69,042,465	72,989,941	72,989,941	69,050,013	73,048,086
Kumpulan Wang Wakaf	27,904,630	27,302,490	27,302,490	27,904,630	27,302,490
Keuntungan Terkumpul	9,267,978	8,452,382	5,532,569	—	—
Rizab hasil daripada penyatuan	584,251	584,251	584,251	—	—
JUMLAH EKUITI	138,265,270	137,580,165	134,660,352	128,420,589	128,601,677

	Kumpulan			Majlis Agama Islam Melaka	
	2019 RM	2018 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
	(Dinyatakan semula)				
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Cukai tertunda (Nota 13)	6,447	12,580	12,580	—	—
Pinjaman (Nota 14)	8,619,770	9,526,520	9,284,557	4,636,670	5,191,035
Pemiutang Sewa Beli (Nota 15)	166,594	125,555	125,555	—	—
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa	8,792,811	9,664,655	9,422,692	4,636,670	5,191,035
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang perniagaan & pelbagai (Nota 16)	40,539,617	19,185,358	18,906,145	34,524,999	13,521,186
Pinjaman (Nota 14)	1,469,019	1,430,431	1,672,394	911,082	898,325
Pemiutang Sewa Beli (Nota 15)	54,150	83,251	83,251	—	—
Peruntukan Cukai	90,981	64,445	64,445	—	—
Jumlah Liabiliti Semasa	42,153,767	20,763,485	20,726,235	35,436,081	14,419,511
JUMLAH LIABILITI	50,946,579	30,428,140	30,148,927	40,072,751	19,610,546
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	189,211,849	168,008,305	164,809,279	168,493,340	148,212,224

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Kumpulan			Majlis Agama Islam Melaka	
	2019 RM	2018 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
	(Dinyatakan semula)				
Pendapatan					
Kumpulan Wang Zakat (Nota 17)	99,855,914	89,177,084	89,177,084	99,855,914	89,177,084
Kumpulan Wang Baitulmal (Nota 17)	20,375,348	21,514,772	21,514,772	20,375,348	21,514,772
Kumpulan Wang Wakaf (Nota 17)	2,472,745	2,385,190	2,385,190	2,472,745	2,385,190
Pendapatan Subsidiari (Nota 17)	20,473,068	18,399,918	18,431,856	—	—
Jumlah Pendapatan	143,177,075	131,476,964	131,508,902	122,704,007	113,077,046
Tolak:					
Kos Pendapatan	9,565,099	7,372,335	7,372,335	—	—
Jumlah pendapatan kasar	133,611,976	124,104,629	124,136,567	122,704,007	113,077,046

	Kumpulan			Majlis Agama Islam Melaka		
	2019 RM	2018 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM	
		(Dinyatakan semula)				
Agihan Wang Zakat (Nota 18)	96,643,716	89,946,408	89,946,408	96,643,716	89,946,408	
Perbelanjaan Wang Baitulmal (Nota 18)	24,108,074	23,781,462	23,781,462	24,108,074	23,781,462	
Perbelanjaan Wang Wakaf (Nota 18)	1,813,805	1,830,726	1,830,726	1,813,805	1,830,726	
Perbelanjaan Subsidiari (Nota 18)	9,595,425	11,040,171	11,070,825	—	—	
Kos Kewangan (Nota 19)	423,169	431,464	431,464	129,567	141,848	
Jumlah Perbelanjaan	132,584,189	127,030,231	127,060,885	122,695,162	115,700,444	
Lebihan/(kurangan) pendapatan bagi tahun semasa	1,027,787	(2,925,602)	(2,924,318)	8,845	(2,623,398)	
Pelarasan tahun sebelum	—	—	—	—	—	
Lebihan/(kurangan) pendapatan sebelum cukai	1,027,787	(2,925,602)	(2,924,318)	8,845	(2,623,398)	
Cukai (Nota 20)	145,201	176,807	176,807	—	—	
Lebihan/(kurangan) pendapatan selepas cukai	882,586	(3,102,409)	(3,101,125)	8,845	(2,623,398)	

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI YANG DISATUKAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Keuntungan Terkumpul RM	Rizab hasil daripada penyatuan RM	Majlis RM	Kumpulan RM
RIZAB TERKUMPUL				
Baki pada 1 Januari 2018	6,010,296	584,251	108,078,192	114,672,739
Kesan pelarasan tahun lalu	—	—	23,146,83	23,146,883
Seperti yang dinyatakan semula	6,010,296	584,251	131,225,075	137,819,622
Lebihan/(kurangan) pendapatan tahun semasa	(479,011)	—	(2,623,398)	(3,102,409)
Pelarasan tahun sebelum	2,921,097	—	—	2,921,097
Dividen	(58,145)	—	—	(58,145)
Baki pada 31 Disember 2018 (Dinyatakan semula)	8,394,237	584,251	128,601,677	137,580,165
Baki pada 1 Januari 2019	8,394,237	584,251	128,601,677	137,580,165
Kesan pelarasan tahun lalu (Nota 21)	—	—	(189,933)	(189,933)

	Keuntungan Terkumpul	Rizab hasil daripada penyatuan	Majlis	Kumpulan
	RM	RM	RM	RM
Seperti yang dinyatakan semula	8,394,237	584,251	128,411,744	137,390,232
Lebihan/(kurangan) pendapatan tahun semasa	873,741	—	8,845	882,586
Dividen	(7,548)	—	—	(7,548)
Baki pada 31 Disember 2019	9,260,430	584,251	128,420,589	138,265,270

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Majlis Agama Islam Melaka				
	Zakat RM	Baitulmal RM	Wakaf RM	Geran RM	Jumlah RM
RIZAB TERKUMPUL					
Baki pada 1 Januari 2018	28,862,943	52,461,152	26,754,097	—	108,078,192
Kesan pelarasan tahun lalu	157,482	22,995,472	(6,0971)	—	23,146,883
Seperti yang dinyatakan semula	29,020,425	75,456,624	26,748,026	—	131,225,075
Lebihan/(kurangan) pendapatan tahun semasa	(769,324)	(2,408,538)	554,464	—	(2,623,398)
Tambahan/(kurangan) tahun semasa	—	—	—	—	—
Baki pada 31 Disember 2018 (Dinyatakan semula)	28,251,101	73,048,086	27,302,490	—	128,601,677
Baki pada 1 Januari 2019	28,251,101	73,048,086	27,302,490	—	128,601,677
Kesan pelarasan tahun lalu (Nota 23)	2,647	(135,780)	(56,800)	—	(189,933)
Seperti yang dinyatakan semula	28,253,748	72,912,306	27,245,690	—	128,411,744
Lebihan/(kurangan) pendapatan tahun semasa	3,212,198	(3,862,293)	658,940	—	8,845
Baki pada 31 Disember 2019	31,465,946	69,050,013	27,904,630	—	128,420,589

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN BAGI TAHUN
KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Kumpulan			Majlis Agama Islam Melaka	
	2019	2018	2018	2019	2018
	RM	RM	RM	RM	RM
	(Dinyatakan semula)				
Aliran tunai dari aktiviti operasi					
Lebih pendapatan di atas perbelanjaan	1,027,787	(2,925,602)	(2,924,318)	8,845	(2,623,398)
Pelarasan untuk:					
Tahun semasa	—	2,921,097	—	—	—
Cukai tertunda	(189,933)	23,146,883	23,146,883	(189,933)	23,146,883
Peruntukan hutang ragu	—	—	—	—	—
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3,056,724	3,631,240	3,661,894	2,404,852	2,924,022
Pelarasan susut nilai (Keuntungan)/kerugian daripada pelupusan aset (Untung)/rugi ke atas penjualan saham (Untung)/rugi atas perubahan nilai saksama pelaburan tersiar harga	3,800	26,093	(4,561)	3,800	(4,561)
Dividen diterima	286,536	638	638	281,225	638
Kos Kewangan	(148,367)	200,980	200,980	(148,367)	151,770
Kos Kewangan	(172,510)	1,005,000	1,005,000	(108,110)	927,000
Keuntungan operasi sebelum pergerakan dalam modal kerja (Penambahan)/pengurangan dalam modal kerja	3,413,030	27,412,746	24,492,933	1,569,208	23,704,371
Inventori	(226,802)	46,808	46,808	—	—
Penghutang perniagaan dan pelbagai	(19,247,966)	796,573	796,573	(9,796,158)	1,120,725
Pemiutang perniagaan dan pelbagai	21,354,259	(2,248,890)	(2,528,103)	21,003,813	(1,017,477)
Tunai diperolehi dari aktiviti operasi	5,292,521	26,007,237	22,808,211	12,776,863	23,807,619
Dividen Dibayar	(7,548)	(58,145)	(58,145)	—	—
Cukai Dibayar	(124,797)	(168,081)	(168,081)	—	—
Kos Kewangan	(423,169)	(431,464)	(431,464)	(129,567)	(141,848)
Aliran tunai bersih yang dijana/(diguna dari) aktiviti operasi	4,737,006	25,349,547	22,150,521	12,647,296	23,665,771

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka		
	2019 RM	2018 RM (Dinyatakan semula)	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Aliran tunai dari aktiviti pelaburan					
Belian hartanah, loji dan peralatan	(730,200)	(1,776,844)	(1,776,844)	(349,855)	(1,481,101)
Belian hartanah pelaburan	—	—	—	—	—
Pelarasan hartanah, loji dan peralatan	—	(23,233,811)	(22,544,735)	3,496,880	(22,442,724)
Pelarasan hartanah pelaburan	—	(2,529,951)	—	(3,496,880)	(102,011)
Jualan hartanah, loji dan peralatan	27,964	510	510	22,210	510
Dividen diterima	874,176	1,025,047	1,025,047	812,671	959,831
Pelaburan bersih dalam syarikat subsidiari	—	—	—	—	—
Pelaburan bersih dalam pelaburan kewangan	—	—	—	—	—
Pelaburan dalam syarikat milikan	(200,000)	—	—	—	—
Pelupusan saham	508,627	1,995,313	1,975,313	508,627	1,523,061
Tunai bersih dari aktiviti pelaburan	480,567	(24,519,736)	(21,320,709)	993,653	(21,542,434)
Aliran tunai dari aktiviti kewangan					
Penerimaan/(pembayaran balik) pembiayaan	(868,162)	(822,598)	(822,598)	(541,608)	(529,036)
Perolehan dalam modal saham	200,000	—	—	—	—
Pembayaran untuk sewa beli	11,938	(27,823)	(27,823)	—	—
Perbelanjaan tertunda	—	185,171	185,171	—	185,171
Tunai bersih dari aktiviti kewangan	(656,224)	(665,250)	(665,250)	(541,608)	(343,865)
(Pengurangan)/penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	4,561,348	164,561	164,561	13,099,340	1,779,472
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun kewangan	48,724,754	48,560,193	48,560,193	28,392,813	26,613,341
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun kewangan	53,286,102	48,724,754	48,724,754	41,492,153	28,392,813

	Kumpulan			Majlis Agama Islam Melaka	
	2019	2018	2018	2019	2018
	RM	RM	RM	RM	RM
		(Dinyatakan semula)			
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:					
Pelaburan dalam simpanan tetap (Nota 12)	13,534,464	8,637,812	8,637,812	10,000,000	5,000,000
Baki tunai di bank (Nota 12)	39,751,638	40,086,942	40,086,942	31,492,153	23,392,813
Overdraif	—	—	—	—	—
	<u>53,286,102</u>	<u>48,724,754</u>	<u>48,724,754</u>	<u>41,492,153</u>	<u>28,392,813</u>

Nota-Nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. Maklumat korporat

Tanggungjawab utama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) adalah membangun, menggalak, mengurus dan meningkatkan sosio-ekonomi orang-orang Islam mengikut undang-undang syarak. Kegiatan utama syarikat subsidiari pula adalah seperti yang dinyatakan di Nota 5 kepada penyata kewangan. Tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara di dalam aktiviti utama ini di sepanjang tahun kewangan.

Lokasi utama perniagaan terletak di Pusat Islam Melaka, Bukit Palah, 75400 Melaka.

2. Dasar-dasar perakaunan penting

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan MAIM telah disediakan mengikut kehendak-kehendak Akta Syarikat 1965 dan Badan Berkanun 1980 diubahsuai mengikut Tatacara Kewangan dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis dan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS").

Piawaian perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten sepanjang tempoh kewangan yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna pakai secara konsisten oleh entiti-entiti dalam Kumpulan, melainkan dinyatakan sebaliknya. Beberapa jumlah perbandingan telah diklasifikasi semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

(i) Asas Penyata Kewangan

Penyata kewangan Kumpulan dan MAIM telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, melainkan jika ia dinyatakan sebaliknya di dalam penyata kewangan ini.

(ii) Matawang fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu matawang fungsian Kumpulan dan MAIM.

(iii) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan ini memerlukan pihak pengurusan membuat beberapa pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada aplikasi polisi perakaunan dan amaun yang dilaporkan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar barangkali berbeza daripada anggaran berkaitan.

Anggaran dan andaian asas adalah dikaji secara berterusan. Pindaan kepada anggaran perakaunan adalah diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut dipinda dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang terlibat.

(b) Asas penyatuan

Syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di bawah kawalan MAIM. Kawalan wujud apabila MAIM mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk menentukan polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah syarikat dengan tujuan untuk mendapat faedah daripada aktiviti syarikat tersebut.

Penyata kewangan syarikat subsidiari diambil kira ke dalam penyata kewangan yang disatukan bermula dari tarikh berkuat kuasa kawalan sehingga ke tarikh berkuat kuasa kawalan berakhir. Syarikat subsidiari disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan untuk pengambilalihan.

Sesebuah syarikat subsidiari dikeluarkan dari penyatuan apabila kawalan hanya untuk sementara waktu jika syarikat subsidiari itu diambilalih dan dipegang secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual pada masa hadapan yang terdekat dan tidak disatukan sebelumnya atau ia beroperasi di bawah halangan jangka panjang yang menjejaskan dengan ketara keupayaannya untuk memindahkan dana kepada syarikat. Syarikat subsidiari yang dikeluarkan berdasarkan alasan ini diambil kira sebagai pelaburan.

Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari ini dikira sebagai muhibah atau rizab penyatuan, mana-mana yang bersesuaian.

Mengikut kaedah perakaunan untuk pengambilalihan, kedudukan kewangan syarikat subsidiari yang diambil alih atau dijual bagi sepanjang tahun perakaunan diambil kira dari tarikh pengambilalihan atau sehingga ke tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama ke atas aset bersih syarikat subsidiari ditentukan dan nilai ini diambil kira ke dalam penyata kewangan Kumpulan.

Semua urusanniaga dan baki di antara syarikat subsidiari dan sebarang keuntungan belum nyata yang terbit dari urusanniaga tersebut dihapuskan dalam penyatuan. Kerugian yang belum direalisasikan yang terhasil daripada urusanniaga dalam Kumpulan juga dihapuskan kecuali apabila kos tidak boleh diperolehi semula.

(c) Hartanah, loji dan peralatan

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan Syarikat dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item hartanah, loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, kecuali tanah pegangan bebas dan bangunan.

Selepas pengiktirafan sebagai aset, tanah pegangan dan bangunan dibawa pada amaun dinilai semula, iaitu pada nilai saksama pada tarikh penilaian semula, ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul berikutnya. Penilaian semula dibuat dengan kekerapan yang mencukupi untuk memastikan bahawa amaun bawaan tidak berbeza secara ketara daripada apa yang ditentukan menggunakan nilai saksama pada akhir tempoh pelaporan.

Peningkatan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti di bawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah, kecuali apabila peningkatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian setakat yang ia membalikkan pengurangan penilaian semula aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Pengurangan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian,

kecuali apabila penurunan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain setakat mana baki kredit yang sedia ada dalam lebih penilaian semula hartanah berkenaan dengan aset itu. Penurunan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain mengurangkan amaun yang terkumpul dalam ekuiti di bawah tajuk lebih penilaian semula hartanah.

Kecuali tanah pegangan bebas dan hartanah di bawah pembinaan yang tidak disusutnilai, susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskira amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut:

Kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Susutnilai aset tetap dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangka masa aset tersebut boleh digunakan. Kadar susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan	2% setiap tahun
Pembaikan dan pengubahsuaian bangunan	10% setiap tahun
Kelengkapan Perladangan	20% setiap tahun
Kenderaan	25% bagi tahun pertama 10% bagi tahun seterusnya
Perabot, lekapan dan kelengkapan pejabat	25% bagi tahun pertama 10% bagi tahun seterusnya
Tanah	Mengikut tempoh pajakan

Bagi bangunan Wakaf Khas Kg. Hulu dan Kg. Keling tidak dikenakan susutnilai.

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia digunakan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Amaun bawaan bagi item hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

(d) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada awalnya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Selepas pengiktirafan sebagai hartanah pelaburan, jika nilai saksama item hartanah pelaburan yang boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, ia adalah diambilkira sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut Seksyen 17 MPERS selepas itu. Amaun bawaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

Kepentingan hartanah yang dipegang di bawah pajakan operasi tidak dikelaskan dan diambil kira sebagai hartanah pelaburan.

(e) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan MAIM menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

(i) Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

(ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

(iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

(iv) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, MAIM menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, Jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana MAIM akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

(v) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau MAIM memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

(f) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan, selepas ditolak overdraf bank.

(g) Liabiliti dan Ekuiti

(i) Pengkelasn Liabiliti dan Ekuiti

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti adalah dikelaskan selaras dengan ciri-ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang-undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Instrumen Ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang berbukti baki kepentingan dalam aset MAIM selepas ditolak semua liabilitinya. Instrumen ekuiti diterbitkan oleh MAIM, selain daripada yang dikeluarkan sebagai sebahagian daripada penggabungan perniagaan atau yang diambil kira dalam perenggan 22.15A ke 22.15B adalah diukur pada nilai saksama tunai atau sumber lain diterima, selepas ditolak kos urusniaga. Sekiranya bayaran ditunda dan nilai masa wang adalah ketara, pengukuran awal hendaklah berdasarkan pada asas nilai semasa.

MAIM mengambil kira kos urusniaga bagi ekuiti sebagai penolakan daripada ekuiti. Cukai pendapatan berkaitan dengan kos urusniaga adalah diambil kira selaras dengan Seksyen 29 MPERS. Pengagihan kepada pemilik ditolak daripada ekuiti. Cukai pendapatan yang berkaitan adalah diambil kira selaras dengan Seksyen 29 MPERS.

(iii) Saham Perbendaharaan

Apabila MAIM mengambil alih semula instrumen ekuitinya ('saham perbendaharaan'), saham perbendaharaan ini adalah ditolak daripada ekuiti pada nilai saksama pertimbangan diberi. Tiada keuntungan atau kerugian diiktirafkan dalam keuntungan atau kerugian atas pembelian, jualan, terbitan dan pembatalan saham perbendaharaan tersebut.

(iv) Instrumen Kewangan Kompaun

Perolehan daripada terbitan hutang boleh tukar atau instrumen kewangan kompaun yang serupa dikelaskan secara berasingan antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti selaras dengan ciri-ciri pengaturan. Syarikat pertamanya menentukan amaun komponen liabiliti dengan mengukur nilai saksama liabiliti yang serupa yang tidak mempunyai ciri-ciri penukaran atau komponen ekuiti berkaitan yang serupa. Syarikat kemudiannya memperuntukan amaun baki sebagai komponen ekuiti. Kos urusniaga diperuntukan antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti berdasarkan pada asas nilai saksama relatif.

Peruntukan itu tidak disemak semula dalam tempoh kemudian.

(v) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan MAIM menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi MAIM kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

(vi) Liabiliti Diukur Pada Nilai Saksama Menerusi Keuntungan Atau Kerugian

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

(vii) Liabiliti Kewangan Diukur Pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah dilukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

(viii) Komitmen Pinjaman Diukur Pada Kos Ditolak Rosotnilai

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosotnilai.

(ix) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(h) Peruntukan

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan MAIM mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidakpastian yang diambil kira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

(i) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam pendapatan apabila perolehan geran akan diterima.

Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

(j) Hasil

Hasil diukur pada nilai saksama atas pertimbangan yang diterima atau akan diterima, selepas ditolak sebarang diskaun perdagangan, diskaun penyelesaian segera, jumlah rebat dan cukai tidak langsung yang terpakai kepada hasil. Hasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan berikut:

(i) Hasil dari pelaburan

Keuntungan dari pelaburan yang menurut hukum-hukum syarak diiktiraf di dalam penyata pendapatan secara akru.

Dividen dari pelaburan diiktiraf secara akru apabila hak untuk menerima dividen telah diiktiraf dan disahkan oleh syarikat pelaburan.

(ii) Barangan jualan dan perkhidmatan

Pendapatan daripada penjualan barangan dikira pada nilai saksama pendapatan yang akan diterima dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila semua risiko dan ganjaran hakmilik telah dipindahkan kepada pembeli.

Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan telah dilaksanakan. Apabila hasil dari urusanniaga itu tidak dapat dianggarkan secara tepat, pendapatan diiktiraf hanya setakat perbelanjaan yang diiktiraf yang dapat diperolehi semula.

(iii) Hasil Royalti, Hasil Yuran Lesen dan Hasil Sewa Hartanah

Hasil Royalti, hasil yuran lesen dan hasil sewa hartanah adalah diiktiraf pada asas akruan selaras dengan isi perjanjian apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusan niaga akan mengalir kepada MAIM dan amaun boleh diukur dengan munasabah.

(iv) Pelaksanaan Perkhidmatan

Hasil daripada pelaksanaan perkhidmatan diiktiraf dengan merujuk kepada peringkat penyediaan urusan niaga tersebut pada akhir tempoh pelaporan apabila hasil urusan niaga tersebut boleh dianggarkan dengan pasti. Peringkat penyediaan ditentukan berdasarkan kepada nisbah kos yang ditanggung bagi perkhidmatan yang diberikan sehingga tarikh terkini kepada anggaran jumlah kos.

(v) Hasil Faedah

Hasil faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif.

(vi) Hasil Dividen

Hasil dividen diiktiraf apabila pemegang saham mendapat hak untuk menerima bayaran.

(k) Perbelanjaan

(i) Kos pembiayaan

Semua kos pembiayaan dan lain-lain kos yang berkaitan dengan pembiayaan diambil kira di dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

(ii) Perbelanjaan langsung

Semua perbelanjaan di bawah kumpulan wang zakat termasuk pemilikan atau pemerolehan sesuatu aset bagi tujuan atau maksud kumpulan wang ini merupakan perbelanjaan langsung dan didedahkan bagi tujuan pengagihan kepada asnaf.

(iii) Perbelanjaan pengambilan atau pembelian tanah bagi tujuan masjid, surau, kubur dan sebagainya

Semua perbelanjaan pengambilan atau pembelian tanah bagi tujuan tapak masjid, surau, kubur dan sebagainya di bawah kumpulan wang zakat, baitulmal dan wakaf adalah dianggap sebagai belanja langsung.

(l) Manfaat Pekerja

(a) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Manfaat pekerja jangka pendek, contohnya upah, gaji dan manfaat lain, adalah diiktiraf pada amaun tidak didiskaun sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada MAIM.

Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran terkumpul adalah diiktiraf apabila pekerja melaksanakan perkhidmatan yang meningkatkan kelayakan mereka untuk pampasan ketidakhadiran pada masa depan. Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul, seperti cuti sakit, adalah diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran terkumpul adalah diukur sebagai amaun tambahan tidak didiskaun yang dijangka akan dibayar sebagai akibat daripada kelayakan yang tidak digunakan yang terkumpul pada akhir tempoh pelaporan.

Jangkaan kos ke atas perkongsian untung dan bayaran bonus adalah diiktiraf apabila MAIM mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa untuk membuat pembayaran akibat daripada peristiwa lepas dan anggaran obligasi dapat dianggarkan dengan pasti. Obligasi semasa wujud apabila MAIM tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk membuat pembayaran.

(b) Pelan Caruman Wajib

Caruman yang perlu dibayar kepada pelan caruman wajib diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Kumpulan dan MAIM.

(c) Pelan Manfaat Tetap

Kumpulan dan MAIM mengendalikan Pelan Manfaat Persaraan ("Pelan") kepada pekerja yang layak. Caruman kepada Pelan dibuat setiap suku tahun dan dcaj kepada keuntungan atau kerugian bagi menyebarkan kos Pelan ke atas jangka hayat kerja pekerja dalam organisasi.

Obligasi Kumpulan dan MAIM di bawah Pelan adalah ditentukan berdasarkan penilaian aktuari setiap tiga tahun di mana jumlah manfaat yang diperolehi pekerja sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan sebelumnya adalah dianggarkan. Nilai semasa obligasi Pelan dan kos perkhidmatan semasa dan sebarang kos perkhidmatan lalu yang berkaitan adalah ditentukan menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit.

Keuntungan atau kerugian aktuari adalah diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan pada tempoh mereka timbul.

Pelan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan adalah amaun bersih nilai semasa Pelan yang diselaraskan untuk kos perkhidmatan lalu yang tidak diiktiraf, ditolak nilai saksama aset Pelan pada tarikh pelaporan. Sebarang aset hasil daripada pengiraan adalah dinyatakan pada yang lebih rendah antara amaun yang ditentukan atau sebarang jumlah kos perkhidmatan lepas terkumpul, dan nilai semasa bagi bayaran balik tersedia dan pengurangan dalam caruman masa depan kepada Pelan tersebut.

Keuntungan atau kerugian daripada pengurangan atau penyelesaian Pelan diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian dalam tempoh apabila pengurangan atau penyelesaian berlaku.

(m) Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak terbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila Kumpulan dan MAIM mempunyai hak yang sah disisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

